UNISPIRASI : SATU KONSEP PEMBENTUKAN INTEGRASI ANTARA PELAJAR ISLAM BIDANG PENGAJIAN AGAMA, PENGURUSAN, DAN KEMAHIRAN DI UNIVERSITI BERASASKAN KONSEP NEGARA BANGSA

Tengku Putra Indera Wangsa Bin Tengku Aziz

Pengenalan

Integrasi antara pelajar bagi setiap aliran yang berbeza adalah asas bagi memupuk perpaduan dan harmoni di sesebuah universiti. Menurut Kamus Dewan Edisi ke-4, Integrasi didefinisikan sebagai penggabungan dua atau beberapa kaum untuk menjadi kesatuan. Dalam konteks di universiti integrasi antara pelajar beragama Islam yang dimaksudkan adalah kebersamaan antara pelajar beragama Islam daripada berbagai bidang.

Universiti adalah tempat dimana pelajar menimba ilmu di peringkat yang lebih tinggi demi memanfaatkan ilmu tersebut kepada masyarakat dan negara. Universiti juga tempat melahirkan pelapis-pelapis kepimpinan masyarakat yang akan menggantikan kepimpinan negara yang sedia ada. Menurut *Encyclopaedia Britannica*, universiti didefinisikan sebagai institusi pendidikan tinggi dan pengkajian yang menganugerahkan ijazah akademik di pelbagai peringkat dan bidang.

Negara Bangsa adalah konsep dan ideologi yang mengutamakan semangat atas nama negara, dengan mengetepikan perbezaan-perbezaan seperti bangsa, agama, dan budaya. Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (2003: 35-36) mendefinisikan negara bangsa sebagai gabungan tiga komponen utama iaitu negara, individu, dan bangsa. Ianya turut hadir bersama tiga syarat iaitu masyarakat bersatu padu dan tidak berlaku diskriminasi antara kaum, masyarakat berpegang teguh dengan ideologi yang sama, dan kepercayaan penuh kepada undang-undang negara.

Dalam konteks di universiti, integrasi antara kaum boleh diterjemahkan kepada kebersamaan antara pelajar dari aliran bidang yang berlainan manakala negaranya adalah universiti itu sendiri. Dengan menggunakan konsep asas bagi pembinaan negara bangsa ini, UniSpirasi adalah konsep khas untuk diaplikasikan di universiti yang lahir sebagai langkah awal untuk memupuk kesatuan.

Apakah itu 'UniSpirasi' ?

UniSpirasi lahir dari tiga perkataan iaitu universiti, Islam dan inspirasi. Islam adalah agama yang memberikan panduan, merangkumi seluruh aspek kehidupan. Inspirasi ialah menggerakkan hati untuk mencipta sesuatu. Ini bermakna, UniSpirasi ialah gerak hati pelajar Islam untuk menciptakan sesuatu yang bermanfaat untuk universiti dalam landasan syarak hasil daripada cintakan universiti tersebut. Proses UniSpirasi ialah satu konsep atau semangat yang dibina untuk memupuk nilai kebersamaan antara pelajar dari berbagai bidang dengan penambahbaikan adab ketika bermuamalah, penyerapan budaya Islam dalam pendidikan, serta mengutamakan nilai dan etika. Konsep ini diadaptasi dari asas konsep pembinaan Negara Bangsa. Antara proses yang dijalankan untuk membentuk sebuah Negara Bangsa yang berjaya ialah dengan cara asimilasi budaya. Asimilasi budaya ialah suatu proses pembinaan budaya yang baru hasil gabungan budaya yang berbeza-beza. Sebagai contoh, di Indonesia pembinaan Negara Bangsa berjaya dilaksanakan dengan berteraskan Pancasila. Pancasila merupakan falsafah Indonesia yang berasal daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud "lima" dan "prinsip". Kesannya, setiap rakyat Indonesia yang asalnya pendatang, seperti keturunan cina dan lain-lain tidak lagi menampakkan imej bangsa asal mereka, tidak lagi menutur dalam bahasa asal mereka, tetapi hanya satu imej sahaja yang wujud, iaitu bangsa Indonesia.

Asimilasi merupakan salah satu daripada proses integrasi. Proses asimilasi ini dalam konteks universiti diterjemahkan kepada penyerapan budaya Islam, dan dipilih untuk menerajui konsep UniSpirasi kerana pelajar-pelajar Islam daripada berbagai aliran telah mempunyai beberapa faktor yang sama dan disepakati. Sebagai contoh, pelajar dari program pengurusan dan kemahiran wajib mengambil mata

pelajaran AlQuran, Tauhid, Asas Pinsip Syariah, dan lain-lain. Ini adalah contoh asimilasi atau penyerapan budaya Islam melalui pendidikan. Walau bagaimanapun, konsep ini dijalankan melalui pendidikan tidak rasmi, baik secara langsung mahupun secara tidak langsung dan bergantung kepada kreativiti individu. Rajah 1 dan Rajah 2 memaparkan komponen dan syarat bagi konteks di alam universiti.



Rajah 1 : Komponen-komponen Negara Bangsa diterjemahkan mengikut konteks universiti.

Syarat-syarat Negara Bangsa	Syarat-syarat UniSpirasi
1.Bersatu padu dan tidak berlaku diskriminasi kaum	1.Bersatu padu dan tidak berlaku persepsi negatif terhadap pelajar berlainan bidang
2.Berpegang teguh dengan ideologi yang sama	2.Berpegang teguh dengan semangat cintakan universiti
3.Kepercayaan penuh kepada undang-undang	3.Taat akan etika dan polisi yang ditetapkan

Rajah 2 : Syarat-syarat utama Negara Bangsa diterjemahkan dalam konteks universiti.

Kepentingan 'UniSpirasi'

Tujuan utama lahirnya idea UniSpirasi adalah untuk memupuk nilai cintakan universiti, membentuk kesepaduan dan keharmonian antara pelajar beragama Islam disamping membuang sikap prejudis serta persepsi negatif antara pelajar Islam yang berlainan bidang. Hasilnya, kualiti pelajar islam bertambah dan potensi universiti agak meningkat.

Kaedah pelaksanaan aktiviti

Salah satu teras UniSpirasi ialah penambahbaikan adab bagi elemen sosial. Oleh itu, setiap ruang sosial dimanfaatkan sebaiknya untuk melaksanakan konsep ini. Umum mengetahui, kehidupan pelajar di universiti bukanlah sekadar menimba ilmu di kelas, tetapi juga terlibat dalam sistem usrah, aktiviti berpersatuan, dan aktiviti program. Bagi melaksanakan konsep ini, setiap aktiviti sosial ini perlu dirancang dengan sebaiknya.

1. Sistem Usrah

Usrah adalah satu sistem dimana sejumlah kecil insan berkumpul bertujuan untuk mengeratkan silaturahim disamping memberikan nasihat serta peringatan yang berteraskan nilai dan pengajaran Islam pada setiap minggu. Medium usrah adalah medium yang terbaik dan paling utama oleh kerana ianya merupakan sesuatu yang wajib bagi pelajar Islam bagi tahun satu dan dua di sesetengah universiti. Kesan daripada konsep UniSpirasi ini akan menghasilkan semangat cintakan universiti, nilai kebersamaan dengan lebih berkesan kerana ditanam seawal pelajar Islam menimba ilmu di universiti. Berikut merupakan syarat dan contoh model pelaksanaannya :

Syarat-syaratnya:

1. Jumlah ahli usrah dari bidang pengajian Islam, pengurusan, dan kemahiran dinisbahkan kepada jumlah keseluruhan pelajar tersebut. Contoh formula :

Jumlah pelajar tahun 1 & 2 bagi bidang :			Cadangan jumlah usrah
Pengajian Islam	Pungurusan	Kemahiran	
400	300	200	100

Maka, setiap satu usrah itu berdiri daripada 10 ahli termasuk ketua (Naqib/Naqibah).



Contoh model pelaksanaan 'UniSpirasi' bagi sistem usrah.

2. Ketua (Naqib/Naqibah) terdiri dari berbagai bidang dan tidak didominasi oleh satu bidang program sahaja. Ini bagi mengelakkan persepsi negatif pelajar.

3. Meraikan ilmu dari setiap bidang dan dibincangkannya didalam usrah. Contohnya, minggu pertama membicarakan tentang topik berkaitan dengan pengajian Islam. Minggu kedua membicarakan topik berkenaan pengurusan, dan minggu ketiga membicarakan tentang kemahiran. Manakala minggu keempat adalah atas kebijaksanaan Naqib/Naqibah untuk membuat pengisian. Boleh jadi riadah, sukan memanah, boling, jaulah, tadabbur alam, dan sebagainya.

4. Usrah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci AlQuran, dan memupuk nilai cintakan universiti. Tujuannya ialah supaya pelajar tidak lupa akan jati diri.

5. Saling tolong-menolong dan mencintai antara satu sama lain. Kesannya, nilai kebersamaan akan wujud dan saling mempercayai antara satu sama lain. Tidak digalakkan usrah campuran lelaki dan perempuan.

Dengan adanya syarat-syarat asas di atas, usrah yang dibentuk dengan konsep UniSpirasi dapat dilaksanakan bagi mencapai tujuan asalnya. Salain itu, nilai tambah seperti pemikiran kreatif dan kritis yang dapat dipupuk oleh kerana berlakunya percambahan idea pelajar dan penguasaan ilmu daripada berbagai bidang yang berlainan.

2. Aktiviti berpersatuan

Bagi persatuan yang tidak dinaungi oleh mana-mana bidang yang khusus (bukan persatuan kulliyyah), persatuan ini menjadi medium yang terbaik bagi melaksanakan konsep UniSpirasi. Untuk melaksanakannya, persatuan ini perlulah membuka ruang seluas-luasnya kepada pelajar dari berbagai bidang. Setiap unit kepimpinan sebaiknya terdiri daripada pelajar dari berbagai bidang. Dengan semangat cintakan universiti, setiap pelajar didalam persatuan tersebut berusaha untuk memupuk nilai kebersamaan disamping melaksanakan tugasan dengan kepakaran masing-masing. Berikut merupakan contoh model pelaksanaannya:

Contoh model pelaksanaan UniSpirasi bagi aktiviti persatuan.

Bagi posisi penjana idea, ianya bebas diberikan kepada sesiapa yang berkemampuan untuk melaksanakan tanggungjawab tanpa mengira bilangan dan bidang pelajar. Dengan model ini, kelancaran perjalanan organisasi persatuan turut dapat dicapai disamping berjaya membina kebersamaan pelajar. Walau bagaimanapun, ia bergantung kepada objektif, program, dan projek yang akan dilaksanakan oleh persatuan tersebut.

3. Aktiviti program dan projek

Aktiviti program dan projek terbahagi kepada dua kategori. Yang pertama, anjuran persatuan yang dikendalikan oleh pelajar bidang tertentu. Yang kedua, program anjuran persatuan yang tidak dinaungi oleh mana-mana bidang yang khusus (Pesatuan Kulliyyah).

Untuk kategori yang pertama, konsep UniSpirasi menggalakkan kehadiran pelajar dari bidang yang berlainan ke program anjuran persatuan kulliyyah sebagai tanda sokongan dan semangat cintakan universiti. Manakala untuk kategori kedua, ia berbalik kepada keadah pelaksanaan yang kedua, iaitu aktiviti berpersatuan.

Nilai dan Etika 'UniSpirasi'

Untuk melaksanakan konsep UniSpirasi ini secara holistik di universiti, aspek nilai dan etika turut memainkan peranan yang penting selain bermuamalah dan pendidikan. UniSpirasi menekankan tiga nilai dan etika berikut:

1. Nilai Keagamaan.

   Menjadi kepentingan untuk mengamalkan dengan nilai-nilai keagamaan seperti ikhlas, ukhuwwah, amanah, adil, sabar, dan menjaga akhlak untuk membentuk jati diri pelajar beragama Islam.

2. Nilai Profesionalisme.

   Nilai-nilai profesionalisme seperti integriti, berilmu, kejujuran intelektual, kreatif, sopan santun, menjaga imej/maruah, berprinsip dan berkepimpinan sangat penting bagi pembinaan disiplin disamping kemahiran diri sebagai pelajar beragama Islam.

3. Nilai kemasyarakatan.

Nilai kemasyarakatan penting bagi memupuk perpaduan serta kebersamaan. Kerjasama, toleransi, bantu-membantu, hormat-menghormati, dan tiada kepentingan peribadi merupakan nilai utama bagi kemasyarakatan.

Pendidikan dan UniSpirasi

Pendidikan merupakan saluran utama bagi membentuk kesepaduan. Buktinya, kabinet telah meluluskan Sekolah Wawasan pada tahun 1997. Sekolah Wawasan terdiri daripada SRK (Sekolah Rendah Kebangsaan), SRJKC (Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina), dan SRJKT (Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil) yang mana ketiga-tiganya berada dalam satu kawasan. (Azizi Yahya, Amir Hamzah, Sanif. n.d.)

Selain itu, subjek-subjek seperti Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Hubungan Etnik, dan Pengajian Malaysia diperkenalkan di universiti bagi memperoleh tujuan yang sama. Begitu juga dengan penubuhan Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mendedahkan modul-modul kenegaraan kepada para peserta yang terdiri daripada berbilang bangsa. Untuk membina perpaduan, pendidikan menjadi pemangkin utama untuk merealisasikannya.

Untuk merealisasikan UniSpirasi, aspek pendidikan turut memainkan peranan penting bagi menggerakkannya. Mata pelajaran di bidang pengurusan dan kemahiran perlu disulami dengan nilai-nilai Islam, dan memberikan kesan kepada pelajar untuk mencintai universiti. Sebagai contohnya, apabila membicarakan tentang pengurusan dan kemahiran, sebutkan ayat-ayat AlQuran dan Hadis yang berkaitan dengannya. Elemen sejarah berkaitan Islam seperti sirah baginda Rasulullah, para sahabat, para sultan dan panglima perang, zaman kegemilangan turut memainkan peranan dalam membantu menyulami nilai-nilai Islam dalam matapelajaran.

Di sesetengah universiti, pelajar Islam bidang pengurusan dan kemahiran diwajibkan untuk mengambil matapelajaran pengajian Islam seperti hafazan AlQuran, Maqasid Syariah, asas Usul Fiqh, Bahasa Arab, dan lain-lain. Ini akan memudahkan proses untuk mencapai gagasan UniSpirasi.

Di akhir pengajian, pelajar di bidang pendidikan Islam, pengurusan dan kemahiran perlu didedahkan dengan hal-hal berkaitan dengan universiti supaya semangat cintakan universiti dapat dipupuk disamping penambaikkan untuk universiti dapat dilakukan. Kesan daripada ini ialah potensi pelajar Islam dan imej universiti akan meningkat.

Cabaran pelaksanaan

UniSpirasi ialah sebuah konsep pembentukan adab, kebijaksanaan, serta nilai yang membuahkan kebersamaan. Proses yang dilaksana perlukan jangka masa yang panjang dan berterusan bagi menjamin keberkesanan. Berikut merupakan cabaran pelaksanaan.

1. Pemisahan bangunan yang jauh.
2. Sikap prejudis
3. Permasalahan sosial
4. Tidak menjaga imej diri

Posisi bidang pengajian yang terpisah jauh akan menyebabkan kurangnya pergaulan antara sesama pelajar Islam dari bidang yang berlainan. Kekurangan komunikasi akan menyebabkan proses kebersamaan menjadi lemah dan kesannya, waktu yang lebih panjang diperlukan. Sikap prejudis terhadap pelajar Islam dari bidang yang berlainan merupakan cabaran terbesar bagi UniSpirasi. Untuk mengatasinya, anjakan paradigma perlu dilakukan. Permasalahan sosial dan tidak menjaga imej diri akan menyumbangkan kepada berlakunya sikap prejudis pelajar Islam yang lain terhadap si pelaku dan ini akan meruntuhkan keyakinan pelajar Islam untuk mendirikan UniSpirasi.

Kesimpulan

UniSpirasi bertujuan membentuk kesepaduan antara pelajar Islam di universiti dengan menggunakan asas konsep Negara Bangsa berteraskan elemen pendidikan, sosial, dan pembinaan diri. Penyerapan budaya-budaya Islam dan penanaman semangat cintakan universiti akan membuahkan satu semangat kebersamaan pelajar Islam bagi membantu melonjakkan potensi diri serta meningkatkan nama baik universiti. UniSpirasi sangat sesuai diaplikasikan di universiti yang pelajar beragama Islam dominan.

Keadah-kaedah pelaksanaan dalam UniSpirasi memaparkan cara yang terbaik bagi mengikat semua pelajar Islam dari setiap bidang untuk mempunyai hanya satu hasrat iaitu cintakan universiti. Apabila aktiiti-aktiviti dilakukan atas nama cintakan universiti, maka keyakinan dan kepercayaan antara pelajar Islam dari berlainan bidang dapat dibina disamping menolak sikap prejudis. Maka, kesepaduan, kebersamaan, keharmonian antara pelajar Islam dapat dihasilkan.

Rujukan

Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri. (2014). Raksa Raya Malaysia. Kuala Lumpur : Penerbitan Institut Terjemahan & Buku Malaysia Bhd.

Awatif Abd Rahman, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hairun Najuwah Jamali. (n.d.) Persepsi pelajar di IPT Malaysia terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Chew Fong Peng. (2006). Pembentukan negara bangsa melalui pendidikan sastra.

Hamidah Abdul Rahman, Norlin Ahmad, Shah Rollah Abdul Wahhab. (2009). Konsep-konsep asas hubungan etnik.

Hugh Chisholm. (2006). Encyclopaedia Britannica: A Dictionary of Arts, Sciences, Literature and General Information, volume 27. Harvard : Encyclopaedia Britannica Company.

Prof. Madya. Dr. Azizi Yahaya, Amir Hamzah Abdul, Sanif Bin Sapaat. (n.d.) Sekolah wawasan : sejauh manakah ia mampu melahirkan generasi bersatu padu di masa akan datang.

Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani. 2003. Pendidikan Negara Bangsa. Kuantan : PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

19:21 12, May, 2019

Tengku Putra Indera Wangsa Bin Tengku Aziz,

Mahasiswa,

Kuliyyah Syariah dan Undang-undang,

014-243-7683

tengku6523@gmail.com